



LAPORAN PROGRAM

“UTM: YOUTH AGAINST CLIMATE CRISIS”

UHMT1012 - 44



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SCHOOL OF COMPUTING
Faculty of Engineering

SCHOOL OF COMPUTING

FACULTY OF ENGINEERING

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

81310, UTM JOHOR BAHRU, JOHOR

+607-5538828 (ACADEMIC OFFICE)

+60 – 5538822 (FAX)



DISEDIAKAN OLEH


- | | | | |
|----|---|------------------------|-----------|
| 1. | MUHAMMAD NABIEL IZUDDIN BIN RADZUAN | SETIAUSAHA | A20EC0241 |
| 2. | NIK SYAHDINA ZULAIKHA BINTI BADRUL
HISAM | TIMBALAN
SETIAUSAHA | A20EC0108 |

Laporan ini dihantar untuk memenuhi struktur kursus UHMT1012 pada sesi 2020/2021 untuk semester 1

NAMA PROGRAM:
UTM YAC: Youth Against Climate Crisis Webinar

TEMPAT:
Zoom Meeting Room

ANJURAN:
UHMT1012

Disediakan oleh:	Disemak oleh:	Disahkan oleh:
		
Muhammad Nabil Izzuddin bin Radzuan Setiausaha 1SECBH School of Computing Universiti Teknologi Malaysia	Heong Yi Qing Pengarah Program 1SECBH School of Computing Universiti Teknologi Malaysia	MARLINA BINTI ALI Lecturer/Academic Supervisor School of Education Faculty of Social Science & Humanities 81310 UTM Johor Bahru Puan Marlina Ali Pensyarah UHMT 1012 Faculty of Social Sciences and Humanities Universiti Teknologi Malaysia
Tarikh: 24/01/2021	Tarikh: 24/01/2021	Tarikh: 24/01/2021

ABSTRAK

Selaras dengan hasrat Universiti Teknologi Malaysia untuk melahirkan graduan yang mampu membentuk acuan modal insan yang berjaya, adalah menjadi kewajipan setiap mahasiswa dan mahasiswi dalam mengikuti kursus UHMT1012 Atribut Kejayaan Graduan dan menguasai ketujuh-tujuh aspek penting dalam menjadi Atribut Kejayaan dalam kalangan Graduan. Antara ketujuh-tujuh atribut termasuklah, Kemahiran Berkomunikasi, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Kepimpinan dan berkerjasama, Kemahiran Keusahawanan, Kemahiran Mengadaptasi, Kemahiran serta Kemahiran menjadi penduduk global. Dengan menguasai kesemua 7 atribut, graduan dapat menjamin masa depan yang baik justeru dengan itu turut membantu negara mencapai aspirasi negara yang selaras dengan dasar kerajaan. Sehubungan dengan itu, Kursus ini turut menawarkan kepada para penuntut di UTM untuk mendalami serta menghayati kesemua 7 atribut dengan menyediakan peluang dan ruang untuk mahasiswa dan mahasiswi mengaplikasikan kesemua atribut dengan menjalankan sebuah program. Sebagai permulaan, semua mahasiswa dan mahasiswi harus la berganding bahu dan bersama-sama menjalankan program amal, dan menepati salah satu Matlamat Pembangunan Mampan (“*Sustainable Development Goals*”) yang ke 13, Tindakan Iklim. Ianya diselaraskan oleh Pertubuhan Bangsa Bersepadu (PBB) dalam membanteras krisis iklim untuk membentuk pembangunan mampan pada peringkat global. Dengan melakukan program ini, dapat membantu minda kumpulan sasar serta mampu memupuk rasa cinta akan alam sekitar yang tinggi. Disamping itu, turut membawa perubahan dalam kalangan kumpulan sasar untuk melihat gerakan keadilan iklim di Malaysia sebagai titik perubahan generasi yang akan datang. Serta menjadikan program ini sebagai batu loncatan dalam membentuk modal insan yang menyemai cinta akan alam sekitar dan mencapai aspirasi negara.

UTM YAC
Youth Against Climate

PENGHARGAAN



Setinggi-tinggi syukur terhadap ilahi diatas kurniaan dan keredhaan-Nya bagi memberikan limpahan rahmat ke atas semua mahluk ciptaan-Nya serta memberikan peluang dan ruang bagi mencapai matlamat yang satu dalam menyempurnakan program UTM:YAC. Tanpa keredhaan-Nya dalam menjayakan program ini, tidak akan ada kesempatan untuk kami menyempurnakan program ini dengan baik.

Tidak dilupakan juga kepada semua ahli kumpulan yang bertungkus-lumus berbanting tulang dan bersatu hati dalam memberikan yang terbaik bagi mencapai kejayaan yang disasar bersama-sama. Walaupun ahli kumpulan sarat dengan tugas harian yang dibekalkan dari kursus lain, masih lagi berkerjasama dengan baik bagi menjadikan hasrat program ini menjadi kenyataan. Penglibatan semua ahli jawatankuasa amat memberikan impak yang mendalam bagi menjalankan program ini dengan lancar serta memberikan kesan positif kepada masyarakat sekitar selaras dengan objektif program ini.

Tidak kurangnya juga penglibatan koordinator program UHMT1012-44 (Atibut Kejayaan Graduan) Puan Marlina Ali dalam program ini sedikit sebanyak memberikan kelebihan pada ahli jawatankuasa dalam menjalankan program ini dengan jayanya. Tanpa dorongan dan tunjuk ajar beliau sebagai pensyarah kursus ini, maka program ini tidak akan membuahkan hasil seperti yang diharapkan oleh setiap ahli jawatankuasa. Walaubagaimanapun penglibatan tetamu jemputan turut memberikan kesan yang mendalam menjadikan program ini penuh berinformasi dalam bentuk yang dapat menyuntik semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan komuniti sasaran.

Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan untuk para pelajar dan individu yang meluangkan masa dengan melibatkan diri dengan program turut bersama-sama menyumbang sebagai solidariti dalam menyokong gerakan keadilan iklim di Malaysia. Seterusnya, turut memberikan pelbagai pendapat yang positif untuk menjadikan program ini terus memberikan impak bagi mengubah perspektif masyarakat dalam mengatasi isu krisis iklim di Malaysia.

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
1. Laporan Pelaksanaan Program	1
1.1. Ringkasan Eksekutif	1
1.2. Objektif Program	2
1.3. Keperluan Menjalankan Program	2
1.4. Kumpulan Sasar	3
1.5. Rakan Kerjasama	3
1.6. Kos Program	3
1.7. Laporan Aktiviti Bergambar	4
1.8. Cabaran yang dihadapi sepanjang menjalankan program	5
1.9. Impak Kepada Kumpulan Sasar	6
1.10. Faedah Program Dan Bagaimana Faedah Program Boleh Dikekalkan oleh Kumpulan Sasar	7
1.11. Cadangan Penambahbaikan Program	9
2. Refleksi	11
2.1. Refleksi Program	11
3. Kesimpulan	13
3.1. Kesimpulan Program	13
4. Lampiran	15
4.1. Senarai Ahli Jawatankuasa Program	15
4.2. Kertas Kerja	16
4.3. Minit Mesyuarat	24
4.4. Laporan Kewangan	31
4.5. Senarai Kehadiran	32
4.6. Resit	35
4.7. Soal Selidik Keberkesanan Program	36
4.8. Laporan UTM Newshub	40
4.9. Salinan Sijil Penghargaan	44
4.10. Salinan Surat Jemputan Program	45
4.11. Salinan Surat Kebenaran Merit	47
4.12. Salinan Surat Permohonan Pendaftaran Akaun Kutipan Dana Amal	48
4.13. Analisis Soal Selidik Keberkesanan Program	49

1. Laporan Pelaksanaan Program

Pada bahagian ini, akan diterangkan pelaksanaan program ini secara menyeluruh dan terperinci. Bagi setiap langkah yang diambil bagi melaksanakan program dan aktiviti adalah untuk merealisasikan matlamat yang ingin dicapai.

1.1. Ringkasan Eksekutif

Universiti	Universiti Teknologi Malaysia
Nama Program	<i>“UTM: Youth Against Climate Crisis”</i>
Tema	<i>“Love The Beauty in Nature”</i>
Matlamat	Tujuan program ini adalah untuk mendedahkan kumpulan sasaran dengan krisis iklim khususnya ditempatkan Malaysia. Kumpulan sasaran seperti mahasiswa dan masyarakat sekitar haruslah peka akan faktor-faktor dan isu-isu krisis iklim di Malaysia. Tujuan utama program ini adalah untuk memupuk kesedaran perihal persekitaran. Tambahan pula, dengan penglibatan kumpulan sasaran dapat menyumbang kepada gerakan keadilan iklim dalam meneruskan perjuangan bagi mendapatkan keadilan iklim di Malaysia.
Objektif	Program ini dapat : a) Meluaskan kesedaran tentang krisis iklim setempat dalam kalangan masyarakat b) Menyediakan platform untuk mahasiswa menerokai lebih lanjut perihal krisis iklim c) Menyokong pertubuhan KAMY dengan mengadakan kutipan amal pada situasi pandemik.
Penganjur	UHMT1012 – Atribut Kejayaan Graduan
Rakan Kerjasama	Iklim Action Malaysia (KAMY), School Of Computing
Penaja	Kutipan Derma
Anggaran Kutipan	RM 500.00

1.2. Objektif Program

Program ini dapat :

- a) Meluaskan kesedaran tentang krisis iklim setempat dalam kalangan masyarakat
- b) Menyediakan platform untuk mahasiswa menerokai lebih lanjut perihal krisis iklim
- c) Menyokong pertubuhan KAMY dengan mengadakan kutipan amal pada situasi pandemik.

1.3. Keperluan Menjalankan Program

Program ini memerlukan beberapa aspek penting bagi melancarkan proses program :

Masa	: 14:00 – 15:00 (1 jam)
	2 tarikh dipilih bagi menjalankan aktiviti webinar atas talian
Tarikh	: pada (16 Januari 2021) serta pengagihan wang kutipan selepas (20 Januari 2021)
Tempat	: Semua aktiviti yang dirancang akan dilakukan secara atas talian dengan menggunakan perisian komunikasi “Zoom”
Penganjur	: UHMT1012 [44] – Atribut Kejayaan Graduan
Penaja	: Kutipan Derma Amal
Penglibatan	: Penuntut Universiti dan Masyarakat sekitar
Jumlah	
Kutipan Yang Diperlukan	: RM 500.00

UTM YAC
Youth Against Climate

1.4. Kumpulan Sasar

Bagi program ini, ada beberapa kumpulan sasaran yang menjadi matlamat untuk dicapai. Kumpulan sasaran yang menjadi salah satu matlamat program ini adalah penuntut universiti awam khususnya di Universiti Teknologi Malaysia sendiri dan penglibatan masyarakat luar juga dapat memberikan impak yang mendalam kepada program ini.

Dengan penglibatan kumpulan sasaran ini, matlamat program dapat dicapai dengan jayanya. Antara matlamat yang dicapai termasuklah:

- a) Memberikan kesedaran dalam diri siswa dalam mengenal krisis iklim
- b) Memupuk semangat cinta akan alam semula jadi
- c) Menyediakan platform bagi siswa untuk menimba lebih banyak ilmu perihal krisis iklim di Malaysia
- d) Menyoalokong pertubuhan-pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan dalam menangani isu-isu iklim di dalam Malaysia



1.5. Rakan Kerjasama

Program UTM: Youth Against Climate Crisis ini telah berkolaborasi bersama-sama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), “*Klima Action Malaysia*” (KAMY) dan melibatkan salah seorang wakil pelajar UTM dari Fakulti Kejuruteraan, “*School of Computer*” dalam aktiviti Webinar.

1.6. Kos Program

Dalam program ini, tidak memerlukan sebarang kos di atas ketiadaan pihak penaja untuk menaja aktiviti yang dijalankan. Tambahan pula, program “*UTM: Youth Against Climate Crisis*” dilakukan secara atas talian, dan tidak memerlukan sebarang tenaga kerja yang menggunakan wang ringgit. Selaras dengan struktur kursus UHMT1012 – Atribut Kejayaan Graduan, mahasiswa dan mahasiswi yang terlibat dalam mengadakan program ini diperlukan untuk mengutip derma amal bagi menyumbang kepada organisasi atau komuniti setempat dalam meringankan situasi bebanan mereka.

1.7. Laporan Aktiviti Bergambar

SEBELUM		
TARIKH	BUTIRAN	OBJEKTIF
15/1/2021		1. Sesi latihan bersama moderator dan tetamu jemputan sebagai “speaker” pada webinar yang akan dilaksanakan pada 16 Januari 2021. Latihan ini adalah untuk memastikan siaran langsung pada halaman facebook berjalan dengan lancar.
SELEPAS		
TARIKH	BUTIRAN	OBJEKTIF
16/1/2021		1. Sesi webinar pada 16 Januari 2021. Sesi ini dianjurkan seramai 13 orang pada google meet dan dia siarkan secara langsung pada halaman facebook UTM:YAC dan kumpulan sasar memberikan maklum balas secara langsung.
16/1/2021		1. Pandangan siaran langsung pada halaman facebook UTM:YAC, bahagian teknikal yang berbanting tulang dalam menyempurnakan latar belakang yang turut mengiklankan butiran dana untuk KAMY

1.8. Cabaran yang dihadapi sepanjang menjalankan program

Cabaran yang dihadapi ketika menjalankan program ini, sudah terang lagi bersuluh ia merupakan masalah untuk ahli-ahli jawatankuasa untuk berkomunikasi dengan baik. Di dalam situasi pandemik global ketika ini, norma baru adalah wajar dipraktikkan dalam setiap insan. Antara langkah yang diambil oleh pengarah serta ahli jawatankuasa adalah dengan melakukan mesyuarat dan perjumpaan secara maya menggunakan aplikasi “Whatsapp” dan “Google Meet” bagi persidangan penting dalam memastikan program ini berjalan dengan lancar.

Selain itu, dalam memastikan ahli jawatankuasa melakukan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh jawatankuasa atasan. Ahli lembaga pengarah telah mengambil langkah untuk memeriksa dengan mengikuti perkembangan tugas dengan berhubung melalui kumpulan teks di aplikasi Whatsapp. Semua perkembangan berkaitan dengan tugas serta perihal berkenaan akan diciapkan didalam kumpulan teks bagi ahli jawatankuasa yang lain sentiasa peka akan perkembangan program.

Sehubungan dengan itu, antara cabaran ketika mengendalikan program secara atas talian ini adalah jaringan internet yang stabil dan kukuh. Dalam mengatasi masalah ini, ahli jawatankuasa telah sebulat suara dalam memilih moderator dan pasukan teknikal yang mempunyai jaringan internet yang stabil bagi memastikan program dapat berjalan dengan lancar.

Secara konklusinya, pelbagai langkah yang diambil bagi memastikan program “*UTM: Youth Againsts Climate Crisis*” ini berjalan dengan lancar. Tambahan pula, setiap cabaran dan dugaan yang dihadapi oleh setiap ahli jawatankuasa telah dapat diatasi dengan langkah yang diambil oleh ahli lembaga pengarah.

UTM YAC
Youth Against Climate

1.9. Impak Kepada Kumpulan Sasar

Dengan pengelibatan kumpulan sasaran dalam program “*UTM: Youth Againsts Climate Crisis*” ini, telah banyak menunjukkan impak positif khususnya kepada mahasiswa dan mahasiswi UTM dalam melestarikan alam semula jadi dan kian peka akan isu iklim di Malaysia. Sehubungan dengan itu, antara impak positif yang dapat dirungkaikan pada penuntut universiti awam adalah dapat menjadikan program ini sebagai tunjang utama dalam menyediakan tempat untuk mereka menimba ilmu perihal iklim ini lebih mendalam. Ini dapat dijelaskan lagi dengan pendedahan kepada mahasiswa pada krisis iklim ini dapat membuka lembaran baru bagi mereka dalam bersama-sama membantu bagi mengatasi masalah yang kian meruncingkan.

Seterusnya, pengelibatan masyarakat setempat dalam program ini juga mendapat impak yang amat positif terutamanya dalam kepekaan dalam mendapatkan info terkini berkaitan dengan perubahan iklim dikawasan sekitar mahupun di Malaysia. Hal ini dapat dijelaskan dengan pengelibatan mereka dalam program ini dapat memupuk kesedaran yang mendalam bagi melestarikan kawasan persekitaran mereka dan memelihara alam semula jadi. Dengan pengelibatan masyarakat juga dapat membuka minda untuk mengatasi masalah ini dengan berkesan secara berterusan. Ini adalah penting bagi masyarakat setempat kerana mereka merupakan suara-suara rakyat yang wajar didengari oleh pemimpin-pemimpin negara untuk keluar dengan satu solusi bagi mengatasi isu krisis iklim ini.

Akhir sekali, pengelibatan kumpulan sasaran bukan kerajaan yang dipelawa oleh ahli pengarah, “*Klima Action Malaysia (KAMY)*” turut mendapat impak yang besar dalam meluaskan pengaruh gerakan iklim dalam kalangan mahasiswa. Tambahan pula, organisasi bukan kerajaan ini juga akan mendapat dana dari hasil kutipan amal yang dianjurkan dalam program ini bagi meneruskan gerakan ini serta menginspirasi ramai anak muda khususnya mahasiswa bagi bersama-sama mencari solusi dalam menyelesaikan isu iklim di Malaysia.

Pada konklusinya, setiap pengelibatan kumpulan sasaran dalam program ini mendapat impak yang amat positif dan berkesan. Harapan semua ahli jawatankuasa adalah sama, iaitu menantikan impak dari program ini agar terus positif dan dapat dikembangkan secara meluas supaya dapat mempengaruhi individu dan masyarakat untuk berganding bahu dalam menyelesaikan masalah dan isu iklim di Malaysia.

1.10. Faedah Program Dan Bagaimana Faedah Program Boleh Dikekalkan oleh Kumpulan Sasar

Selaras dengan objektif program UTM:YAC, pelbagai manfaat dan faedah yang dapat diperoleh oleh kumpulan sasar, terutamanya dari penglibatan mahasiswa dan mahasiswi pelbagai universiti atau secara khususnya, dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Selaras dengan moto Universiti Teknologi Malaysia, “Kerana Tuhan Untuk Manusia”, adalah menjadi kepentingan kepada semua individu untuk mencintai alam sekitar dan menjadi khalifah di muka bumi ini.

Dengan melibatkan diri dengan program-program kelestarian alam seperti ini dapat menyemai rasa cinta akan sekitar dan membuka minda untuk melihat isu krisis iklim di Malaysia sebagai perihai penting untuk mengatasinya daripada melepaskan batuk di tangga serta membuang sikap berpeluk tubuh dari isu ini. Hakikatnya, sikap-sikap ini telah lahirnya dalam diri mahasiswa dan mahasiswi di Malaysia, ini akan membantutkan hasrat kerjaan dalam membentuk modal insan yang cinta alam sekitar dan memusnahkan harapan negara. Dengan melibatkan diri dalam program kelestarian alam seperti UTM:YAC juga, bukan sahaja menjadi titik permulaan untuk mahasiswa dan mahasiswi dalam membawa perubahan pada masa akan datang dengan mengamati perihai iklim di kawasan sekitar mereka serta bertindak sekiranya perlu.

Seterusnya, kumpulan sasar turut dapat meningkatkan ilmu pengetahuan asas dalam perihai iklim secara global. Seperti mana yang kita tahu, ilmu pengetahuan amatlah penting dalam setiap individu bagi menyelesaikan sesuatu masalah, dalam konteks ini ilmu pengetahuan dalam sains iklim boleh diaplikasikan dalam rutin harian bagi mengatasi masalah ini dengan baik. Kumpulan sasar terutamanya dari golongan mahasiswa juga tidak perlu menjadi pelajar sains alam sekitar untuk menuntut keadilan iklim atau menjadi salah satu solusi dalam mengendalikan isu krisis iklim. Dengan memperoleh ilmu pengetahuan yang asas juga dapat membuka minda kumpulan sasar untuk melihat dan menyuarakan pendapat masing-masing dalam suatu perbincangan hari kelak.

Sehubungan dengan itu, kumpulan sasar juga dapat melihat kumpulan gerakan aktivis iklim ini sebagai pembawa lembaran baru dalam mengatasi isu krisis iklim di Malaysia. Tidak dinafikan lagi bahawa wujud satu kebiasaan dalam masyarakat dalam melihat gerakan aktivis ini sebagai gerakan yang ekstrem dan dapat mencemarkan identiti negara. Namun, dengan pendedahan program UTM:YAC ini dapat membuka mata mereka untuk melihat semua gerakan aktivis iklim di Malaysia hanyalah melibatkan masyarakat yang menuntut keadilan dalam menyelesaikan isu krisis iklim ini dengan bersuara pada pemimpin negara untuk bersama-sama berganding bahu bagi menyelesaikan isu krisis iklim. Turut menjadi manfaat kepada kumpulan sasar dengan menyokong gerakan aktivis ini dengan menjadi solusi berkaitan dengan masalah krisis iklim di Malaysia. Dengan membuat sumbangan amal ini, sedikit sebanyak dapat menyuntik semangat dalam diri aktivis untuk terus menjadi suara rakyat dalam menuntut keadilan demi peluang yang lebih cerah pada masa akan datang.

Jelaslah dengan melibatkan program UTM:YAC ini dapat memberikan impak yang sangat positif kepada kumpulan sasar yang khususnya melibatkan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Teknologi Malaysia. Berikutan dengan program ini yang terus memberikan impak positif kepada masyarakat untuk mencintai alam sekitar, justeru itu alam sekitar di Malaysia akan terus dipelihara dan dijaga dengan baik diatas sikap keperihatinan masyarakat dalam melestarikan ibu semulajadi. Ini adalah kerana Malaysia kaya dengan hasil bumi yang tiada gantinya jika sikap cinta akan alam sekitar tidak disemai dalam kumpulan sasar, maka hilanglah hasil bumi yang dulunya melimpah ruah kini hanya tinggal tanah tandus.

UTM YAC
Youth Against Climate


1.11. Cadangan Penambahbaikan Program

UTM:YAC menganjurkan program webinar dengan kendalian dibawah aturan lembaga pengarah, HeongYi dan naib pengarah Aiman Razak dan beberapa ahli jawatankuasa yang lain. Sehubungan dengan itu, webinar yang bertajuk “*not gonna lie, earth is dying*” telah dianjurkan pada 16 Januari 2021 lepas telah mendapat sambutan yang amat baik dan rata-rata kumpulan sasar yang melibatkan diri dengan program ini, memberikan maklum balas yang positif. Namun terdapat beberapa aspek yang dapat diambil kira serta dinilai untuk menambahbaikan program ini supaya dapat memberikan positif dimasa yang akan datang.

Antara salah satu langkah yang boleh diambil oleh ahli jawatankuasa bahagian multimedia dan bahagian perhubungan awam dalam menjayakan program yang akan datang adalah dengan melakukan promosi yang lebih baik bagi menarik minat kumpulan sasar. Sehubungan dengan itu membuat poster yang lebih menarik serta lebih kreatif. Ini adalah penting untuk menarik kumpulan sasar kerana merekalah yang dapat mencapai objektif program dengan baik. Hal ini juga boleh dikaitkan dengan pengurusan platform sosial media yang lebih strategik dan efektif, dengan penggunaan poster yang menarik, promosi yang strategik dan pengurusan yang baik ini dapat menarik minat kumpulan sasar untuk melibatkan diri dengan program webinar yang dianjurkan.

Seterusnya, situasi pandemik global yang menimbulkan norma baharu dan mewujudkan batasan untuk mana-mana program melakukan aktiviti yang melibatkan aktiviti kumpulan beramai-ramai, dan hal ini menyebabkan dilaksanakan program ini dilakukan secara atas talian. Seperti mana yang digambarkan, melakukan aktiviti secara atas talian mempunyai cabaran dan dugaan yang tinggi, terutamanya jaringan internet yang baik. Semua ahli jawatankuasa memerlukan jaringan internet yang baik dan stabil bagi melancarkan program webinar pada masa yang akan datang. Begitu juga dengan pemilihan platform yang banyak berkembang seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat, begitu banyak platform komunikasi dibangunkan oleh pelbagai pihak. Namun tidak semua menawarkan perkhidmatan yang sama baik seperti Google Meet, Cisco Webex dan Skype. Pemilihan platform haruslah dititik beratkan agak dapat melancarkan semua program atas talian.

Secara kesimpulannya, terdapat banyak langkah yang dapat digunapakai oleh semua ahli jawatankuasa dalam melancarkan program ini dengan baik pada masa yang akan datang. Semua langkah ini adalah wajar diambil bagi mencapai matlamat program yang mana menjadikan kumpulan sasar peka terhadap perihal isu krisis iklim dan dapat mengeluarkan satu solusi besar bagi menyelesaikan isu ini dengan baik. Sehubungan dengan itu, dengan mengambil langkah-langkah lain juga dapat memberikan impak yang positif dan mendalam kepada kumpulan sasar. Hal ini adalah penting untuk kumpulan sasar menghayati kepentingan tentang kelestarian alam sekitar dan dapat membantu kerajaan mencapai dasar-dasar kerja dalam mengecapi aspirasi negara.



UTM YAC
Youth Against Climate

2. Refleksi

2.1. Refleksi Program

Seperti yang kita tahu, kursus UHMT1012 Atribut Kejayaan Graduan mendedahkan mahasiswa dengan kesemua tujuh aspek penting dalam menjadi Atribut Kejayaan dalam kalangan Graduan. Antara ketujuh-tujuh atribut termasuklah, Kemahiran Berkomunikasi, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Kepimpinan dan berkerjasama, Kemahiran Keusahawanan, Kemahiran Mengadaptasi, Kemahiran serta Kemahiran menjadi penduduk global. Sehubungan dengan itu, Kursus ini turut menawarkan kepada para penuntut di UTM untuk mendalami serta menghayati kesemua 7 atribut dengan menyediakan peluang dan ruang untuk mahasiswa dan mahasiswi mengaplikasikan kesemua atribut dengan menjalankan sebuah program. Pelbagai inti pati yang dapat dalam menjalan program UTM:YAC terutamanya dalam mengaplikasikan kesemua tujuh atribut bagi menjalankan program ini dengan jayanya.

Pada awalnya, semua ahli kumpulan masih belum dapat menyesuaikan diri dengan menjalankan program secara atas talian, dan mengakibatkan semua masih tertanya-tanya untuk melakukan program yang sesuai dilakukan secara atas talian. Namun, semua ahli kumpulan dapat berkerjasama dan berjaya mengadaptasikan diri dengan baik lalu membentuk satu lembaga jawatankuasa seiring dengan tanggungjawab masing-masing dalam memainkan peranan penting bagi mengurus serta menjalankan program dengan baik. Serta turut memberikan idea-idea dan cadangan yang sesuai dengan motif projek akhir iaitu menganjurkan program yang seringin dengan Matlamat Pembangunan Mampan (“*Sustainable Development Goals*”) yang menjadi dasar PBB dalam membentuk dunia yang lebih baik untuk didiami. Lalu, dengan sebulat suara ahli lembaga untuk menganjurkan webinar serta program sumbangan amal kepada gerakan aktivis iklim di Malaysia sebagai solidariti menyokong pertubuhan itu dalam menuntut keadilan iklim untuk masa depan yang lebih baik.

Walaupun ini merupakan pertama kali untuk semua ahli jawatan kuasa melakukan program sumbangan amal dan webinar secara atas talian, namun semua ahli jawatankuasa dapat memberikan kerjasama yang baik serta dapat memberikan keputusan yang sama untuk memilih gerakan aktivis “*Klima Action Malaysia*” (KAMY) yang mula ditubuhkan pada awal 2019. Begitu juga dengan membuat kutipan dana amal untuk menyokong KAMY dalam usaha menuntut keadilan iklim bagi generasi yang akan datang. Pelbagai usaha dari pelbagai pihak lembaga untuk mencapai hasrat berkolaborasi dengan gerakan KAMY, mesyuarat demi mesyuarat dilakukan bagi mendapat kebenaran pihak KAMY untuk berkolaborasi. Serta usaha bagi mendapatkan kebenaran merit bagi pengeliban pelajar UTM dan mendapatkan tandatangan untuk sijil penyertaan dari Prof. Dr Mohd Shafry dari Pusat Kokurikulum dan Pembelajaran Servis.

Seterusnya, semua ahli jawatankuasa terutamanya dari bahagian multimedia dan teknikal serta perhubungan awam turut berbanting tulang berkerjasama antara 3 bahagian ini demi mendapatkan perhatian kumpulan sasar untuk menyertai program webinar anjuran UTM:YAC ini. Bahagian multimedia kerap menghasilkan poster-poster yang menarik dan kreatif untuk bahagian perhubungan awam berinteraksi di platform media sosial untuk melakukan “*posting*” sebagai medium untuk mengajak kumpulan sasar melibatkan diri dalam program ini dan turut bersama-sama menyumbang kepada gerakan KAMY. Tidak dilupakan, Bahagian teknikal yang turut memainkan peranan yang besar ketika berlangsungnya program ini di Google Meet dan di halaman facebook secara langsung. Pada mulanya mereka agak sukar untuk membuat pilihan yang memberikan perkhidmatan komunikasi yang baik pada hari kejadian.

Kesimpulannya, segala langkah yang diambil oleh ahli jawatan kuasa, telah memberikan yang terbaik dan selaras dengan ketujuh-tujuh atribut yang dipelajari dalam kursus ini. Ianya menjadi tanggungjawab kesemua ahli jawatankuasa untuk memainkan peranan yang penting bagi mencapai matlamat serta objektif pada kedua-dua program UTM:YAC samada Kutipan dana amal mahupun webinar atas talian. Pelbagai langkah yang diambil bagi mencapai matlamat dan objektif program terutamanya kepada kumpulan sasar.

3. Kesimpulan

3.1. Kesimpulan Program

Secara kesimpulannya, pelbagai manfaat yang dapat diperolehi oleh penglibatan kedua-dua pihak sama ada dari ahli jawatankuasa dan kepada kumpulan sasar program UTM:YAC. Walaupun pelbagai cabaran dan halangan yang perlu semua ahli jawatankuasa dalam menanjurkan program ini dengan baik serta memberikan impak yang sangat positif. Ini boleh dilihat dengan maklum balas dari kumpulan sasar yang rata-rata memberikan kata-kata yang positif dan komen-komen yang membina. Berikutan pandemik global yang membatasi pengajuran aktiviti secara bersemuka, namun program webinar “*Not Gonna Lie, The Earth is Dying*” telah berjaya dianjurkan secara maya dan atas talian pada halaman Facebook UTM:YAC dan berjaya mengumpul dana amal untuk gerakkan aktivis klima di Malaysia dan melepasi jumlah sasar kutipan. Ini jelas memberikan seribu makna buat gerakkan aktivis klima “Klima Action Malaysia”(KAMY) yang berkolaborasi dengan UTM:YAC dalam menyampaikan webinar kepada kumpulan sasar khususnya pelajar Universiti Teknologi Malaysia.

Namun, dengan pelbagai dugaan bagi menjalankan program ini secara maya, pelbagai langkah yang diambil oleh ahli lembaga pengarah Heong Yi Qing serta Naib Pengarah Aiman Razak dalam mengatasi masalah dalam ahli jawatankuasa dalam mengendalikan program ini dengan baik. Ahli lembaga pengarah berjaya mengetuai serta memberikan kepimpinan yang baik dengan memberikan satu-satu solusi yang baik pada permasalahan yang timbul ketika menjalankan program ini. Semua ahli jawatankuasa turut berjaya memberikan kerjasama yang amat baik dan berkomunikasi dengan baik dalam mengendalikan program ini. Ini dapat dikaitkan dengan salah satu atribut yang menjadi kejayaan graduan, iaitu kemahiran kepimpinan dan kemahiran berkomunikasi dengan baik. Semua ahli jawatankuasa dapat menghayati dan mengamati atribut ini dan berjaya mengaplikasikan dalam jawatan masing-masing bagi menjayakan program UTM:YAC ini.

Youth Against Climate

Sehubungan dengan itu, semua ahli jawatankuasa memainkan peranan masing-masing dengan baik. Bagi mengamati pengertian krisis klima di Malaysia, ahli jawatankuasa rata-rata menggunakan salah satu kemahiran yang atribut kejayaan graduan yang itu, kemahiran mengkaji. Seperti yang mana kita tahu bahawa kemahiran ini memainkan kepentingan yang sangat besar dalam mencari ilmu pengetahuan. Dalam hal ini, ahli jawatankuasa telah berjaya mengamati dan menghayati perihal isu krisis iklim di Malaysia dan berjaya menyampaikan maklumat dengan baik ketika anjuran webinar pada 16 Januari 2021. Sebelum itu, mereka juga dalam memberikan manfaat kepada kumpulan sasar dalam memberikan peluang dan ruang untuk mendalami perihal krisis iklim dan sains klima secara asas. Perkara ini sudah cukup menjadi keperluan dalam menyelesaikan isu krisis iklim ini dari terus berleluasa. Hal ini turut dikaitkan atribut “Penduduk Global” yang membawa makna untuk menyelami perihal isu global dan mengamati peranan sebagai penghuni di atas muka bumi untuk melestarikan alam semula jadi dan memelihara kualiti alam sekitar dengan baik.

Seperti yang kita tahu, adalah menjadi kepentingan semua pihak khususnya buat mahasiswa untuk menyelami dan menghayati pengertian kelestarian alam semula jadi. Hal ini kerana Malaysia kaya dengan hasil bumi yang terbaik dan menjadi sumber ekonomi yang amat menguntungkan negara. Namun jika tiada usaha yang diambil bagi memelihara perihal alam sekitar dan menyelesaikan isu krisis iklim dalam Malaysia akan menbantutkan ekonomi negara dan akan memberikan kesan yang amat buruk kepada semua pihak. Justeru dengan itu, dengan menganjurkan program kesedaran seperti UTM:YAC sedikit sebanyak dapat membuka mata dan minda kumpulan sasar untuk melihat isu krisis iklim ini sebagai perihal yang serius dan perlu dihentikan segera serta membantu kumpulan sasar melihat gerakan aktivis keadilan klima ini sebagai gerakan yang positif dan bukan sebaliknya. Dengan mengambil langkah-langkah ini sememangnya akan membantu negara mencapai aspirasi-aspirasi yang dikehendaki.

UTM YAC
Youth Against Climate

4. Lampiran

4.1. Senarai Ahli Jawatankuasa Program

LAMPIRAN 1

STRUKTUR ORGANISASI *“UTM: Youth Against Climate”*

Penasihat

Puan Marlina Ali, Pensyarah

Pengarah

Heong Yi Qing

[A20EC0043] [1SECB] [016 – 416 1666]

Timbalan Pengarah

Muhammad Aiman Bin Abdul Razak

[A20EC0082] [1SECB] [011 – 1125 4714]

Setiausaha

Muhammad Nabiel Izzuddin Bin Radzuan

[A20EC0241] [1SECB] [017 – 278 5491]

Timbalan Setiausaha

Nik Syahdina Zulaikha Binti Badrul Hisam

[A20EC0108] [1SECB] [011 – 5507 6185]

Bendahari

Chong Kah Wei

[A20EC0027] [1SECB] [018 – 690 4219]

Timbalan Bendahari

Nurfatin Iwanina binti Mohd Abdul Rashid

[A20EC0242] [1SECB] [014 – 239 8575]

Perhubungan Awam

Marnisha binti Mustafa Kamal

[A20EC0075] [1SECB] [018 – 220 8667]

Ahli Jawatankuasa 1

Ng Yen Thong

[A20EC0107] [1SECB] [011 – 1093 0420]

Ahli Jawatankuasa 2

Keshiniy A/P Mogan

[A20E0057] [1SECB] [013 – 470 9452]

4.2. Kertas Kerja

LAMPIRAN 2



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KERTAS KERJA

NAMA PROGRAM:
UTM YAC: Youth Against Climate Crisis Webinar

TEMPAT:
Zoom Meeting Room

ANJURAN:
UHMT1012

Disediakan oleh:	Disemak oleh:	Disahkan oleh:
		
Muhammad Nabil Izzuddin bin Radzuan Setiausaha 1SECBH School of Computing Universiti Teknologi Malaysia	Heong Yi Qing Pengarah Program 1SECBH School of Computing Universiti Teknologi Malaysia	MARLINA BINTI ALI Lecturer/Academic Supervisor School of Education Faculty of Social Science & Humanities 81310 UTM Johor Bahru Puan Marlina Ali Pensyarah UHMT 1012 Faculty of Social Sciences and Humanities Universiti Teknologi Malaysia
Tarikh: 19/12/2020	Tarikh: 19/12/2020	Tarikh: 19/12/2020

“UTM: Youth Against Climate”

UNIVERSITI	Universiti Teknologi Malaysia
PROGRAMME NAME	UTM: Youth Against Climate
TYPE OF PROGRAMME	Awareness campaign and donation
GOALS	The goal for this programme is the participants should be able to understand more about the climate change especially in Malaysia. Students and society should know about the effect, the causes, the factors and issues on climate. The purpose for this “ <i>UTM YAC: Youth Against Climate</i> ” programme is for students to have human awareness about our surrounding. Furthermore, by joining this programme, students can help those who are infected because of the climate crisis especially during this COVID-19.
OBJECTIVE	This program will be able to: a) Spread awareness on climate crisis among students and society b) Provide a platform for graduates to explore climate crisis. c) Students and the society would gain more information of climate knowledge. d) Support KAMY movement by doing fundraising during this pandemic. e) Students and the society will have a better understanding about climate change. f) To achieve one of the sustainable development goals by UNICEF at number 13 which specifically for climate action.
ORGANIZER	UHMT1012 – ATRIBUT KEJAYAAN GRADUAN
COLLABORATOR	Klima Action Malaysia (KAMY)
SPONSOR	NONE
ESTIMATED COST	RM 500.00 Account used for saving on fund donated has been verified by Vice Registrar from Endowment Unit (Refer Appendix C)

1. **PROGRAMME NAME**

The programme named “**UTM YAC: Youth Against Climate**”. As the climate keep demolishing the world’s mother nature, it is important for Graduates as the future leader to aware and have some knowledge on against the climate for better future. Together with Non-Government movement **Klima Action Malaysia (KAMY)**, we provide a deep knowledge for the university graduate to gain more knowledge about climate crisis. While **KAMY** on their duty spreading awareness and protecting the local mother’s nature, we are doing fundraising for supporting their movement.

2. **THEME**

“Love The Beauty in Nature”

3. **GOAL**

The goal for this programme is the participants should be able to understand more about climate change especially in Malaysia. Students and society should know about the effect, the causes, the factors and issues on climate. The purpose for this “**UTM YAC: Youth Against Climate Crisis**” programme is for students to have human awareness about our surroundings. Furthermore, by joining this programme, students can help those who are infected because of the climate crisis especially during this COVID-19.

4. **OBJECTIVE**

This program will be able to:

- a) Spread awareness on climate change among students and the society.
- b) Provide a platform for graduates to explore the climate crisis.
- c) Students and the society would gain more information on climate knowledge.
- d) Support KAMY movement by doing fundraising during this pandemic.
- e) Students and the society will have a better understanding about climate change.
- f) To achieve one of the sustainable development goals by UNICEF at number 13

5. ORGANISER

Students of UHMT1012 (section 44) Graduate Success Attributes and Klima Action Malaysia (KAMY), also followed by a UTM representative student from School of Computing faculty.

The talk will be given by Miss Aroe Ajoeni from KAMY R&D Team and Miss Amna Batrishah as School of Computing representative.

6. DATE

The fundraising for supporting KAMY will be held for a month and will be stop collecting on 20th January 2021. The talk will be held on 16th January 2021.

7. VENUE

Talk will be conduct using zoom meeting room and will livestream on UTM: YAC Facebook page.

8. PARTICIPATION

In this program, the main community are focused on are the:

1. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
undergraduate students (estimated number of students:30)
2. The society which mostly coming from other local universities and estimated number of participants is between 30 and 50 people.

9. TENTATIVE PROGRAMME

Refer Appendix A

10.0 PROGRAMME COMMITTEE

Refer Appendix B

11.0 FUND ACCOUNT VERIFICATION

Refer Appendix C

12.0 PROPOSE FINANCIAL SUMMARY

Refer Appendix D

APPENDIX A

TENTATIVE FOR YOUTH AGAINST CLIMATE CRISIS PROGRAM

Date: 16/01/2021	Activities	Notes
Time:		
Webinar Talk with KAMY ACTIVIST WITH UTM REPRESENTATIVE		
13:50	The meeting room is starting and waiting for participant to join	Meeting room will be conduct using zoom
14:00	Webinars start with directors' welcome speech and programme coordinator	
14:10	Welcome speech and introductions from speaker panels	
14:15	Talk start	
14:50	The talk end, followed by QnA sessions from participation	
15:00	The event end	
Date: 16/01/2021	Activities	Notes
Time:		
14:00	Handovers session of the funds collected to KAMY organizations	Involve by programme coordinator, Directors and committee followed by KAMY representative.

UTM YAC
Youth Against Climate

APPENDIX B

LIST OF THE COMMITTEE YOUTH AGAINST CLIMATE PROGRAM

Advisor	Puan Marlina Ali
Programme Director	Heong Yi Qing
Deputy Director	Muhammad Aiman bin Abdul Razak
Secretary	Muhammad Nabel Izzuddin bin Radzuan
Treasurer	Chong Kah Wei
Public Relation	Marnisha binti Mustafa Kamal
Committee member	1. Ng Yen Thong 2. Keshiniy A/P Mogan 3. Nik Syahdina Zulaikha binti Badrul Hisham 4. Nurfatin Iwanina binti Mohd Abdul Rashid

UTM YAC
Youth Against Climate

Appendix C

FUND ACCOUNT VERIFICATION

Our Ref: AB001

Date: 5/01/2021

To Mr Baharudin Mastari
UTM Endowment Unit
Vice Registrar

Subject: Application for Opening Account on Collecting Donation Fund

Dear Mr. Baharudin Mastari

I am Chong Kah Wei from UHMT1012 Graduate Success Attribute, Section 44 under supervision Madam Marlina Ali. We are currently organizing a charity programme "UTM: Youth Against Climate Crisis" which is a combination of both talk and fundraising programme. Below is the programme summary in financial view and proposal approved by madam marlina as your references

NAME	: "UTM : YOUTH AGAINST CLIMATE CRISIS"
TYPE	: Fundraising and awareness
COLLABORATOR	: Klima Action Malaysia (KAMY) NGO
TOTAL FUND NEED	: RM 500.00
SAVING ACCOUNT	: Heong Yi Qing (Programme Director)

As our programme is involving fundraising, we are required to register an account for collecting the funds. Based on the table above, the donations collected will be hand over to our collaborator KAMY to support their movement on taking actions to combat the climate crisis in Malaysia.

We are looking forward to hear good news from you

Thank you,

Best regards,



Chong Kah Wei
A20EC0027
Program Treasurer, UTM:YAC
Universiti Teknologi Malaysia
Undergraduates

APPENDIX D

PROPOSED FINANCIAL REPORT

A. REVENUE

BIL	OBJECTIVE	ESTIMATED AMOUNT (RM)	TOTAL AMOUNT (RM)
1.	Donation	500.00	500.00
2.	Collection from project members	37.18	37.18
TOTAL			537.18

B. EXPENSES

BIL	OBJECTIVE	ESTIMATED AMOUNT (RM)	TOTAL AMOUNT (RM)
1.	Donation for KAMY	500.00	500.00
2.	Souvenir for speakers Mug	18.54 x 2	37.18
3.	E-certificate	None	0.00
TOTAL			537.18

UTM YAC
Youth Against Climate

4.3. Minit Mesyuarat

LAMPIRAN 3

LAPORAN MESYUARAT PROGRAM KALI PERTAMA

Tarikh : 24/11/2020
Masa : 2:30 pm
Tempat : melalui group whatsapp
Hadir :
1. Heong Yi Qing
2. Muhammad Aiman Bin Abdul Razak
3. Muhammad Nabil Izzuddin Bin Radzuan
4. Nik Syahdina Zulaikha Binti Badrul Hisham
5. Chong Kah Wei
6. Nurfatina Iwanina Binti Mohd Abdul Rashid
7. Marnisha Binti Mustafa Kamal
8. Ng Yen Thong
9. Keshiniy A/P Mogan

Tidak Hadir Dengan Maaf : -

Laporan Mesyuarat:

Bil	Perkara		Tindakan
1.0	Pembahagian jawatan carta organisasi		
	1.1	Semua ahli jawatankuasa telah membahagi jawatan masing-masing.	
2.0	Perbincangan mengenai program		
	2.1	Semua ahli jawatankuasa memberi cadangan tentang idea dan tema untuk program yang akan dilaksanakan,	Makluman semua
3.0	Sasaran derma		
	3.1	Kah Wei memberi cadangan mengenai jumlah sasaran dana tersebut.	Kah Wei
4.0	Nama program		
	4.1	Semua ahli jawatankuasa membicarakan nama yang ideal untuk program ini.	Makluman semua
5.0	Agenda untuk mesyuarat seterusnya		
	5.1	Semua ahli jawatankuasa bersetuju untuk membincang dengan lebih lanjut mengenai program.	Makluman semua

Disediakan Oleh:



(Muhammad Nabil Izzuddin)

Setiausaha

Disahkan Oleh:



(Heong Yi Qing)

Pengarah

LAPORAN MESYUARAT PROGRAM KALI KEDUA

Tarikh : 10/12/2020

Masa : 2:00 pm

Tempat : melalui group whatsapp

Hadir : 1. Heong Yi Qing
2. Muhammad Aiman Bin Abdul Razak
3. Muhammad Nabil Izzuddin Bin Radzuan
4. Nik Syahdina Zulaikha Binti Badrul Hisham
5. Chong Kah Wei
6. Nurfatina Iwanina Binti Mohd Abdul Rashid
7. Marnisha Binti Mustafa Kamal
8. Ng Yen Thong
9. Keshiniy A/P Mogan

Tidak Hadir Dengan Maaf : -

Laporan Mesyuarat:

Bil	Perkara		Tindakan
1.0	Aluan Pengerusi		
	1.1	Majlis dimulakan dengan ucapan ringkas atas kehadiran ahli mesyuarat.	
2.0	Pengesahan minit mesyuarat pertama		
	2.1	Semua ahli jawatankuasa sebulat suara mengesahkan minit mesyuarat yang lalu	Makluman semua
3.0	Perkara berbangkit daripada mesyuarat kali 1		
	3.1	Program akan berkerjasama dengan KAMY.	Makluman semua
4.0	Hal-hal berbangkit		
	4.1	Marnisha membentangkan poster mengenai program.	Marnisha
	4.2	Ahli jawatankuasa bersetuju untuk membuka akaun media sosial untuk menyebarkan maklumat mengenai program. Akaun Instagram dan Facebook akan dibuka serta akan diurus oleh Keshiniy dan Yen Thong.	Makluman semua
